

AGAB 2019

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN

Grand Ballroom, Orchid Country Club
9 November 2019



AGAB 2019

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN

9 November 2019 • Grand Ballroom, Orchid Country Club



جامعة ملaysia بوليفار

Berita Harian



Malay Language Learning
and Promotion Committee

Atur cara

- | | |
|------|--|
| 1120 | Pendaftaran
(Tetamu dipersilakan duduk sebelum pukul 12 tengah hari) |
| 1200 | Ketibaan Tetamu Terhormat
Encik Ong Ye Kung
Menteri Pendidikan |
| | Tarian Selamat Datang
Sekolah Rendah Corporation |
| 1225 | Ucapan Pengurus Bersama AGAB 2019
Encik Mohd Saat Abdul Rahman
Berita Harian |
| 1230 | Ucapan Tetamu Terhormat
Encik Ong Ye Kung
Menteri Pendidikan |
| 1240 | Pembacaan Watikah Para Penerima AGAB 2019 |
| 1250 | Penyampaian Anugerah kepada Para Penerima dan Finalis AGAB 2019 |
| 1315 | Penyampaian Cenderamata kepada Tetamu Terhormat |
| 1320 | Jamuan Bermula |
| 1400 | Selesai |

Anugerah Guru Arif Budiman

Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) diperkenalkan pada tahun 2007 untuk mengiktiraf sumbangan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Dengan usaha dan iltizam yang tinggi untuk melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan, guru-guru penerima AGAB merupakan suri teladan kepada guru Bahasa Melayu yang lain.

Objektif Anugerah Guru Arif Budiman

Arif Budiman ialah visi pendidikan Bahasa Melayu di Singapura dan anugerah ini bertujuan mencapai objektif yang berikut:

- mengiktiraf guru Bahasa Melayu atas sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah;
- mengiktiraf dan menyokong sumbangan guru Bahasa Melayu melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan; dan
- mengiktiraf guru-guru yang cemerlang sebagai guru teladan dalam memperjuangkan dan memajukan Bahasa Melayu.

Takrif 'Arif Budiman'

'Arif Budiman' bermaksud insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Seseorang yang berciri Arif Budiman mempunyai kekuatan kognitif, moral, emosi dan sosial. Antara ciri-ciri Arif Budiman termasuklah arif atau berpengetahuan tentang bahasa, budaya, nilai dan sastera dan memamerkan sikap berbudi bahasa serta sentiasa bersedia menabur budi.

Gelar dan Jenis Anugerah

Dua bentuk Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) dalam empat kategori ditawarkan setiap tahun, iaitu:

- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Menengah/Prauniversiti)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Menengah/Prauniversiti)

Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Teladan diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya 10 tahun. Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Perangsang pula diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru kurang daripada 10 tahun.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2007, seramai 55 guru Bahasa Melayu telah menerima Anugerah Guru Arif Budiman. Mereka ialah:

Tahun	Nama Guru	
2007	Mohd Naim Daipi Ishak Abdul Latiff	Elmi Zulkarnain Osman Nur Ashikin Sapri
2008	Salina Hussin Mohd Khir Sapuan	Sazali Sahri Abdul Malek Ahmad
2009	Halimatussa'diah Jaffar Haryati Surana	Azyanti Mohd Mudakir Norashah Mostapa
2010	Muliana Mohammad Nurisham Ismail Norashikin Abdul Hamid	Hafsa Mohd Kassim Haniza Abdul Manan
2011	Aryanti Sukaimi Farizan Md Amin	Salha Mohamed Hussain
2012	Safidah Samsudin Massuniza Ismail	Supandi Djoeraemi Muslim Hanafiah
2013	Norwati Sulaiman Rasidah Mhd Rasit Nazarudin Abdul Bakar	Rashidah Rajah Effendy Ahmadidi Muhammad Irwan Jamal
2014	Azizah Shaik Abdul Kadir Zaleha Ahmad Yahida Yahya	Ridzuan Ibrahim Nuraina Mohamed Sin Nurbayah Ismail
2015	Norazlina Abdul Jalil Nurisha Hamid	Nur'Abidah Abdul Rahman Marliana Mohd Rashid
2016	Norafizah Shariff Rashidah Abdullah	Azah Binte Abdul Aziz Azhar Abdul Rashid Siti Zainab Zainal
2017	Dr. Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz Djohan Abdul Rahman Mohd Jamalludin Mohd Affandi	Fauziah Mohamed Ata Nurhiza Mohamed
2018	Rita Zarina Mohd Nazeer Roslie Buang Sidik Mohd Zareen Mohd Shariff	Amirul Asri Hussin Khairyanie Kamsani

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2019

Anugerah Guru Arif Budiman 2019 dianjurkan bersama oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM), Berita Harian (BH) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2019 terdiri daripada:

Penasihat Dr Intan Azura Mokhtar

Pengerusi Bersama Encik Tajudin Jaffar (MBMS)
Encik Abdul Harris Sumardi (PGBM)
Encik Mohd Saat Abdul Rahman (BH)
Encik Zaifulin Abdul Hamid (MLLPC)

Anggota Cik Rita Goh (MBMS)
Cik Liyana Nasyita Shukarman (MBMS)
Encik Abdul Khalik Saidin (PGBM)
Encik Esfan Rizal Rahwom (PGBM)
Cik Nur Fathin Awaludin (BH)
Cik Mislimah Misti (MLLPC)
Cik Nur Syifaa' Hussin (MLLPC)
Encik Iskandar Shah Abu Bakar (MLLPC)
Cik Dewi Mohamed (MLLPC)
Cik Nur Izziana Kamaruddin (MLLPC)



Berita Harian



Sekapur Sirih



Prof Madya Muhammad Faishal Ibrahim

Setiausaha Parlimen Kanan (Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga & Kementerian Pendidikan);
Pengerusi, Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS); dan
Pengerusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLPC)

Tahun ini, enam orang guru menerima Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) untuk mengiktiraf sumbangan dan kecemerlangan mereka sebagai guru Bahasa Melayu. Keenam-enam guru ini bakal menyertai 55 orang guru Bahasa Melayu yang telah menerima anugerah berprestij ini sejak tahun 2007.

Guru-guru AGAB merupakan suri teladan yang menjadikan pembelajaran bahasa Melayu seronok, berkesan dan bermakna kepada anak didik mereka. Mereka juga mempamerkan kemahiran menjalankan pedagogi inovatif yang menjadikan pembelajaran Bahasa Melayu sentiasa relevan dalam kehidupan anak didik mereka. Selain itu, guru-guru AGAB tampil menyumbang pada kesempatan yang pelbagai, menyahut panggilan dan tuntutan masyarakat untuk berkhidmat dan berbakti melangkaui konteks sekolah. Saya bangga akan usaha mereka dan percaya bahawa sumbangsih guru-guru AGAB telah memberi kesan yang positif.

Sekalung budi saya ucapan kepada pengajur bersama AGAB 2019 - Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM), Berita Harian (BH) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) yang berusaha gigih menjayakan Majlis AGAB ini. Saya yakin usaha sama ini akan mengukuhkan lagi bahasa, sastera dan budaya Melayu kita.

Tahniah saya ucapan kepada penerima-penerima AGAB kita tahun ini! Semoga mereka terus berpegang pada amanah Arif Budiman iaitu, insan berilmu pengetahuan yang menyumbang bakti kepada mayarakat.

*Burung pipit burung kedidi,
Hinggap di pokok di tepi sawah;
Jika hidup tidak berbudi,
Ibarat pokok tidak berbuah.*

Sekian, terima kasih.

Seulas Pinang



Penasihat

Dr Intan Azura Mokhtar

Anggota Parlimen GRC Ang Mo Kio
Ahli Majlis Bahasa Melayu Singapura

Pengerusi Bersama

Encik Abdul Harris Sumardi

Naib Presiden
Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM)

Encik Zafilin Abdul Hamid

Ahli
Jawatankuasa Pembelajaran dan
Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu
(MLPC)

Encik Tajudin Jaffar

Setiausaha
Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)

Encik Mohd Saat Abdul Rahman

Editor
Berita Harian (BH)

Tahun ini, Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) mengiktiraf 6 orang lagi guru Bahasa Melayu. Sejak diadakan pada tahun 2007, anugerah ini telah memberikan inspirasi kepada ramai guru Bahasa Melayu untuk menjadi suri teladan kepada anak didik serta rakan guru yang lain. Mereka yang diberikan anugerah pula telah memberikan sumbangan bermakna dalam pendidikan bahasa dan budaya Melayu di sekolah dan peringkat masyarakat. Pengaruh dan peranan seorang guru Bahasa Melayu sememangnya amat besar dalam dunia yang kian pesat berubah ini.

Guru-guru Bahasa Melayu kita bukan sahaja mengajar, memudah cara, membimbing dan bekerjasama dengan pelajar mereka malah mereka sering kali dilihat sebagai pembentuk perwatakan dan pemupuk nilai-nilai murni. Inilah hakikat sebenar tanggungjawab dan amanah yang dipikul oleh seorang guru Bahasa Melayu.

Semoga pengiktirafan ini akan memperteguh tekad dan semangat guru-guru kita untuk menghidupkan pembelajaran Bahasa Melayu dan merealisasikan visi Arif Budiman.

Trofi AGAB 2019



Api merupakan cahaya yang menerangi kehidupan yang gelap, seperti pendidikan yang dapat memberikan harapan kepada masyarakat. Semarak api melambangkan semangat yang membara, sama seperti semangat berkobar-kobar dalam diri guru-guru Bahasa Melayu untuk mendidik, melentur dan membentuk anak didik bangsa dan generasi masa hadapan.


Reka bentuk arca yang melengkung terkandung hasrat dan iltizam jiwa serta mencerminkan keperibadian pendidik yang sentiasa bergolak mengharungi pelbagai cabaran demi melegakan dahaga ilmu dan memperkasakan kemanusiaan diri anak didik mereka. Inilah pengorbanan yang dilalui para pendidik kita dalam usaha mereka mendewasakan anak bangsa.

Tatkala suara guru bergema, laungan gempita; harapan menyala, nadi anak bangsa berganda.

Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2019



Cikgu Muhammad Andi Mohammed Zulkepli,
Cikgu Arfah Buang &
Cikgu Sabrina Samsuri



Cikgu Nurhafeza Hanem Abdul Azal,
Cikgu Siti Mariam Manshor &
Cikgu Norasiken Mohamed Noor



Cikgu Arfah Buang

Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura

Kategori Teladan

Cikgu Arfah Buang

Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura

Perjalanan Kerjaya

Apabila saya ditawarkan biasiswa pendidikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, saya terus menerima kerana saya menganggap perguruan suatu bidang kerjaya yang murni dan sesuai dengan kebolehan saya. Tambahan lagi, saya dapat membantu meringankan beban kewangan keluarga pada masa itu. Bermula pada tahun 1999, saya mengajar di Sekolah Menengah New Town selama enam tahun sebelum bertukar angin ke Sekolah Menengah Swiss Cottage. Meskipun saya seorang guru muda pada waktu itu, saya telah diberikan peluang dan kepercayaan untuk melibatkan diri dalam uji cuba strategi dan bahan pengajaran seperti Strategies for Independent and Active Learning (SAIL) dan Kandungan Media Digital Padu (RDMC). Pelibatan saya ini telah banyak mempengaruhi corak pengajaran saya di bilik darjah. Saya juga telah mula berjinak-jinak dengan penggunaan teknologi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dari awal kerjaya. Jaringan kerja di peringkat kelompok serta kementerian telah membolehkan saya untuk menyumbang dari segi perkongsian profesional dan bengkel-bengkel persiapan peperiksaan.

Saya telah berkhidmat sebagai Pegawai Teknologi Pendidikan di Kementerian Pendidikan Singapura (ETD, MOE) dari 2008 hingga 2012. Saya telah menyelaras penghasilan bahan-bahan sokongan interaktif bagi pakej MEKAR, projek perintis 10'M Aksara, bank soalan peperiksaan bagi sekolah menengah serta mengelola laman web Nadi. Peranan saya dalam memperkasa kemahiran guru-guru untuk menerapkan ICT dalam PdP adalah menerusi seminar dan bengkel-bengkel yang kerap dijalankan. Bagi diri saya sendiri, saya telah memperoleh pelbagai kemahiran baharu daripada pengendalian projek dan pengurusan bengkel. Saya juga telah berpeluang untuk membentangkan beberapa kertas kajian dalam persidangan serantau dan antarabangsa. Selain itu, saya turut mengambil kesempatan untuk

mempertingkatkan diri dengan mengikuti kursus Sarjana Pendidikan (Kurikulum & Pengajaran) di Institut Pendidikan Nasional secara sambilan sehingga tamat pengajian pada tahun 2013, lima belas tahun selepas meraih ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Pengajian Bahasa Inggeris) dari Universiti Nasional Singapura.

Bagai pucuk dicita ulam mendatang, selepas bertugas di ETD, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura (SST) menerima permohonan saya untuk mengajar di sana. Berbekalkan pengalaman yang ada, saya menyokong beberapa program tukikan sekolah dalam bidang perkembangan profesional guru; misalnya, menganjurkan program penyerapan para pendidik dari pelbagai negara, termasuk Australia, Amerika Syarikat, Britain, Jepun dan Belanda, selama seminggu ke SST menerusi program Teach@SST Lab School. Saya juga memainkan peranan dalam menganjurkan persidangan ICT di peringkat nasional, iaitu SST Tech Summit, serta pertandingan antara sekolah, seperti SST Hackathon dan Make-A-Thon. Ini di samping menggalas tugas utama, iaitu menyediakan pengalaman pembelajaran yang berteraskan pendekatan *Applied Learning*, atau Pembelajaran Gunaan, dan penggunaan ICT yang bermakna di dalam dan luar bilik darjah. Saya kini menyandang jawatan Guru Kanan, Teknologi Pendidikan dan merupakan salah seorang Mentor Pengajaran di SST.

Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Saya ingin berkongsi sepotong ayat yang dibina oleh pelajar saya yang membuat saya geli hati. Ayatnya, "Salman tidak dapat menyusukan pokok-pokok getahnya pada musim gugur." (Dalam petikan teks, terdapat ungkapan, "...pada musim gugur, pokok getah tidak bersusu.') Tentunya, pelajar ini tidak tahu perkataan '**menoreh**'.

Perkara ini terpahat dalam ingatan saya kerana menyedarkan saya betapa pesatnya dunia telah berubah dan banyak perkara tentang masyarakat Melayu lama misalnya yang tidak diketahui oleh generasi sekarang. Lantas, mereka mungkin mempunyai masalah untuk memahami konteks, kosa kata atau peribahasa yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat masa lalu.

Jangan kata mereka, saya sendiri anak kelahiran kota; maka, dari semasa ke semasa saya juga perlu membuat kajian tentang aspek-aspek bahasa dan budaya yang tidak saya ketahui dan sekaligus belajar bersama mereka tentang kearifan Melayu. Misalnya, untuk membimbing pelajar menghasilkan model-model rumah tradisional Melayu sebagai Penilaian Alternatif, saya sendiri perlu banyak membaca mengenai hal tersebut dan membuat satu model contoh. Namun, melihat mereka lebih terlibat dalam pembelajaran memberikan saya satu kepuasan.

Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru

Seperti guru-guru lain, saya tentu menumpang bangga apabila ada dalam kalangan anak didik saya yang kini sudah bergelar 'Cikgu'. Saya sudah menemui sekurang-kurangnya tiga orang bekas pelajar sejauh ini. Ini mendorong saya untuk terus menyemai minat terhadap bahasa Melayu, lebih-lebih lagi bagi mereka yang berpotensi untuk menjadi golongan pelapis.

Saya juga mengukir kenangan manis bersama para pelajar yang memenangi peraduan-peraduan di peringkat nasional seperti Lensa Bahasa (2013 dan 2014). Kami seronok menghasilkan video pelbagai genre bersama-sama. Selain menyerlahkan kreativiti mereka dan memberi mereka peluang untuk 'bersuara', saya telah mengorak langkah untuk membolehkan mereka mendekati masyarakat agar dapat mengambil iktibar daripada kehidupan sebenar. Sebagai contoh, saya telah mengatur pertemuan pelajar dengan Cik Suhana Suhaimi, seorang pesakit cerebral palsy, yang menjual brownies buatan sendiri sebagai usaha untuk menyokong ibu bapanya yang sudah tua. Ketika pelajar-pelajar itu menceritakan kisahnya dalam video mereka, yang berjudul 'Tekad & Tabah', mereka telah belajar tentang ketabahan dan pemerkasaan seorang insan yang berkelainan upaya.

Bagi pencapaian peribadi pula, detik yang paling manis apabila saya diiktiraf sebagai Apple Distinguished Educator pada tahun 2017. Anugerah itu amat bermakna buat diri saya kerana anugerah itu mengiktiraf penggunaan teknologi secara inovatif yang saya terapkan di bilik darjah. Untuk berdiri sama tinggi dengan para pendidik dari pelbagai latar dan negara ketika kami berhimpun di Melbourne, itu merupakan suatu mercu dalam perjalanan kerjaya saya.

Harapan Sebagai Seorang Guru

Saya ingin terus berusaha untuk membentuk para pelajar yang mampu bersaing dalam dunia sejagat dan mempunyai rasa termilik terhadap bahasa, warisan dan jati diri budaya Melayu. Aspirasi ini dapat dicapai dengan mewujudkan PdP yang sesuai dengan profil dan keperluan pelajar yang kian berubah. Dalam landskap pendidikan hari ini, ICT memainkan peranan yang lebih ketara dalam meningkatkan keberkesanannya PdP. Saya mahu melakarkan tugas-tugas berteraskan ICT yang dapat mengajar kemahiran bahasa dengan menarik serta menggalakkan kreativiti, pemikiran kritis, komunikasi berkesan dan kolaborasi. Saya juga ingin mendidik para pelajar saya agar tidak hanya menjadi konsumen maklumat dan pengguna teknologi yang pasif; tetapi, sebaliknya, mampu memanfaatkan teknologi untuk tujuan perakuan dan menyebarkan pengaruh positif.

Saya turut menetapkan pembelajaran sepanjang hayat sebagai matlamat peribadi; bukan sekadar mengejar sekeping sijil lagi, tetapi bagi meningkatkan pengetahuan dan kekaryawanan diri. Selain itu, saya berharap dapat terus menyumbang terhadap perkembangan profesional guru di pelbagai peringkat. Saya percaya guru-guru Bahasa Melayu kita hari ini berkaliber untuk memberikan subangan yang lebih daripada ruang lingkup subjek yang diajar oleh mereka. Akhir sekali, saya juga ingin menjalin jaringan kerjasama baharu dan berganding tenaga dengan pertubuhan-pertubuhan masyarakat, jika diberi peluang.





Cikgu Siti Mariam Manshor
Sekolah Menengah Crest

Kategori Teladan

Cikgu Siti Mariam Manshor

Sekolah Menengah Crest

Pengalaman Mengajar

Selepas tamat pendidikan di maktab rendah dan sementara menunggu kemasukan ke universiti atau semasa cuti semester, saya pernah berkhidmat sebagai guru sandaran di beberapa buah sekolah rendah. Setelah tamat pengajian di NIE (PGDE), saya dihantar ke Sekolah Menengah Yuhua. Saya berkhidmat di sana selama 6 tahun. Saya sangat selesa dan suka mengajar di sana. Namun, saya terdengar tentang inisiatif pemerintah untuk membuka sebuah sekolah menengah, khas buat pelajar-pelajar aliran Normal (Teknikal) yang pertama. Oleh sebab minat saya untuk membantu pelajar-pelajar aliran Normal (Teknikal), saya mencuba nasib. Saya diterima untuk mengajar di Sekolah Menengah Crest. Pada masa itu, Sekolah Menengah Crest baru ditubuhkan. Banyak ilmu dan pengalaman yang telah saya raih sepanjang saya menjadi pendidik di Sekolah Menengah Crest. Tahun ini merupakan tahun ketujuh saya di sekolah tersebut.

Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Terdapat pelbagai cabaran yang saya hadapi sepanjang kerjaya saya. Walaupun saya suka mengajar pelajar-pelajar aliran Normal (Teknikal), tahun-tahun awal saya sebagai guru sebenarnya banyak diuji oleh pelajar-pelajar yang sangat menduga kesabaran saya, terutama sekali daripada aliran Normal (Teknikal). Saya masih ingat peristiwa seorang pelajar berludah di hadapan saya dan tidak mengendahkan kehadiran saya di dalam kelas. Saya menangis sebaik sahaja selesai kelas tersebut kerana saya sangat berkecil hati dengan sikap dan kelakuan pelajar tersebut. Namun, saya bersyukur mempunyai rakan-rakan guru yang mendengar masalah saya dan memberi saya semangat.

Semua ini merupakan pengalaman dan daripada setiap pengalaman, ada ilmu yang boleh kita raih. Kita menjadi lebih matang dan kuat untuk menghadapinya. Sebenarnya, jika kita selidik dengan teliti latar belakang pelajar-pelajar yang mempunyai masalah disiplin, yang sering memberontak, mungkin ada kisah di sebaliknya yang kita tidak tahu. Mungkin kita tidak terdengar jeritan sepi pelajar-pelajar yang menginginkan bantuan. Bayangkan seorang pelajar yang tinggal di rumah sewa satu bilik. Di dalam rumah yang kecil dan sempit itu, ada sepuluh orang yang tinggal. Kadang kala, pelajar itu hanya makan satu kali sehari, itu pun di kantin sekolah dan dibayar melalui bantuan kewangan yang mereka dapat daripada sekolah. Di rumah, mereka segera menjadi makanan harian pelajar itu. Satu paket dikongsi dengan adik-adiknya. Hubungan antara pelajar itu dengan bapanya juga mungkin tidak begitu baik. Mereka sering bertengkar dan ada kalanya pelajar itu tidak mahu pulang ke rumah kerana tidak mahu mendengar leteran bapanya itu.

Pelajar yang tidak mendapat kasih sayang di rumah biasanya datang ke sekolah untuk mendapatkan perhatian daripada orang-orang di sekeliling mereka. Biasanya mereka tidak tahu cara yang terbaik atau yang betul untuk mendapatkan perhatian. Maka, mereka sering terlibat dalam masalah-masalah disiplin. Sebagai guru, kita perlu peka terhadap perkara-pekerja sebegini. Kita perlu meluangkan masa untuk duduk dengan pelajar tersebut untuk memahami apa sebenarnya yang dilalui oleh mereka. Dari situ, kita boleh memikirkan cara-cara untuk membantu pelajar tersebut dan keluarga mereka.

Kerjasama antara sekolah dan ibu bapa sangat penting demi kebaikan pelajar. Salah satu cabaran yang saya hadapi adalah untuk mendapat sokongan dan kerjasama segelintir ibu bapa. Saya sangat bersyukur apabila bertemu dengan ibu bapa yang sangat menyokong sekolah dan mudah diajak bekerjasama.

Saya pernah dimarah dan ditengking. Ada juga seorang bapa yang pernah mencampak botol air ke arah saya. Ada kalanya, ibu bapa mengharapkan guru atau sekolah dapat menyelesaikan semua masalah. Namun kita perlu cuba sedaya upaya untuk memberikan bantuan.

Pernah sekali, seorang bapa pelajar datang ke sekolah dan menuduh seorang pelajar lain mencuri iPad dari rumahnya. Beliau tiba di sekolah jam lapan pagi dan mendesak saya untuk mengembalikan iPad yang hilang itu pada masa itu juga, jika tidak dia akan melaporkan perkara itu kepada pihak polis. Dia juga mendesak supaya pelajar yang dituduh itu membelikan iPad yang baharu. Setelah berbincang dengan Naib Pengetua, saya diberi dua jam untuk menyiasat perkara tersebut. Alhamdulillah, setelah berbual dengan tertuduh, pelajar itu menjelaskan perkara sebenarnya yang berlaku. iPad itu tidak dicuri tetapi diletakkan di tempat yang lain. Bapa tersebut berterima kasih dan meminta maaf kepada saya kerana menengking dan mendesak saya.

Apabila berhadapan dengan cabaran-cabaran yang saya sebutkan tadi, kita perlulah tenang, banyak bersabar dan mendapatkan bantuan dari rakan-rakan guru yang lain, kaunselor dan ada kalanya Pengetua sekolah.

Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru

Sebenarnya ada banyak kenangan manis dalam kerjaya saya sebagai guru. Jika saya boleh memilih satu sahaja, bagi saya melihat kumpulan pertama pelajar-pelajar Sekolah Menengah Crest tamat pengajian merupakan pengalaman yang paling manis. Saat mereka mendapat keputusan GCE Peringkat 'N' benar-benar menyentuh hati saya. Oleh sebab saya dan beberapa orang rakan guru menjadi guru-guru perintis di Sekolah Menengah Crest, kami dapat melihat dan mengikuti perkembangan sekolah itu sejak awal lagi, termasuklah melihat pelajar-pelajar kami membesar dan menjadi lebih matang sejak kemasukan mereka ke Sekolah Menengah Crest pada tahun 2013. Seperti yang saya selalu beritahu pelajar-pelajar saya dari kumpulan itu, mereka akan sentiasa mempunyai ruang yang istimewa dalam hati saya. Perjalanan selama empat tahun bukan mudah. Terdapat pelbagai rintangan dan cubaan yang perlu dilalui oleh mereka dan guru-guru sangat rapat dengan pelajar-pelajar tersebut.

Sehingga kini, kami masih lagi berhubung. Kami sering bertanya khabar masing-masing. Mereka akan datang melawat guru-guru bukan sahaja pada Hari Guru tetapi juga pada hari-hari biasa kerana mereka rindu akan guru-guru mereka. Mereka juga akan berkumpul beramai-ramai pada Hari Raya dan beraya bersama-sama. Tahun ini ramai pelajar-pelajar saya itu tamat pengajian di ITE. Ada antara mereka yang berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke Politeknik. Bagi saya, itulah pencapaian yang besar buat seorang pelajar yang awalnya seorang pelajar Normal (Teknikal). Mereka benar-benar menjadi inspirasi kepada pelajar-pelajar yang lain di Sekolah Menengah Crest.

Harapan Sebagai Seorang Guru

Saya sering memberi nasihat kepada pelajar-pelajar saya tentang kepentingan pelajaran atau pendidikan untuk menjamin masa depan yang lebih cerah buat mereka. Kebanyakan akur. Mereka menginginkan kehidupan yang lebih baik dan ingin keluar dari lingkaran kemiskinan. Jika mereka senang, saya tumpang gembira dan saya selalu mendoakan yang terbaik untuk pelajar-pelajar saya. Namun, perubahan juga perlu datang dari diri masing-masing. Kita tidak boleh bergantung harap pada bantuan orang lain sahaja.

Satu perkara yang penting, setinggi mana pendidikan seseorang itu, tidak lengkap jika dia tidak mempunyai nilai atau pegangan yang baik dalam hidup. Maka, apabila kita sudah berjaya satu hari nanti, jangan pula kita lupa diri dan lupa pada mereka yang telah membantu kita. Sifat merendah diri itu penting. Jika kita rasa kita bagus, ada yang lebih baik dari kita.

Meraih ilmu juga adalah usaha sepanjang hayat. Apabila kita sudah meraih kejayaan, giliran kita pula untuk menyumbang kepada masyarakat yang memerlukan. Ilmu itu sangat-sangat berkuasa dan jika kita fikirkan, ilmu bukanlah milik kita. Ilmu hanya pinjaman semata-mata. Maka, jika diberi kuasa ilmu, itu merupakan isyarat bahawa ilmu perlu dikongsi. Jangan lokek ilmu dan gunakanlah kuasa ilmu itu dengan sebaik-baiknya.





Cikgu Sabrina Samsuri
Sekolah Rendah Zhenghua

Kategori Teladan

Cikgu Sabrina Samsuri

Sekolah Rendah Zhenghua

Pengalaman Mengajar

Saya mula mengajar secara sambilan di sebuah tadika sementara menunggu keputusan GCE Peringkat 'O'. Kemudian, selepas mendapat diploma pendidikan dalam Bahasa Melayu di NIE, saya telah mengajar di Sekolah Rendah Zhenghua selama 17 tahun. Saya juga telah bermula sebagai guru pelatih di sekolah yang sama pada tahun 2001.

Setelah lebih kurang 10 tahun mengajar, saya membuat keputusan untuk mendapatkan ijazah sarjana muda di UniSIM. Walaupun penat mengajar sambil belajar, saya berasa seronok meraih ilmu dan juga berkongsi ilmu kepada anak didik. Kemudian, saya mengambil kursus ijazah sarjana dalam pendidikan (Bahasa Melayu) di NTU/NIE setelah 'berehat' selama setahun selepas mendapatkan ijazah sarjana muda.

Cabaran-cabaran yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Pelbagai cabaran yang saya hadapi sepanjang kerjaya ini. Namun, saya tidak berputus asa dan sentiasa berusaha untuk membantu murid saya.

Sejak saya mula mengajar, saya telah mengajar ramai murid bukan berbangsa Melayu di dalam kelas saya. Mereka tidak memahami bahasa Melayu dan ini menyukarkan mereka untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan. Mereka merasakan diri mereka sangat lemah dan motivasi mereka rendah. Saya bermula dengan kosa kata yang mudah dan kemudian menggalakkan mereka menggunakan kosa kata tersebut setiap hari walaupun berbentuk frasa atau ayat mudah.

Semakin ramai murid yang memasuki Darjah 1 yang tidak meminati bahasa Melayu. Yang menyedihkan lagi, mereka berbangsa Melayu. Mereka berbual dengan menggunakan campuran bahasa

dan bahasa Melayu semasa perbualan mengelirukan murid itu sendiri. Hal ini menyebabkan penguasaan kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Melayu mereka menjadi agak lemah. Saya menetapkan matlamat yang boleh dilakukan oleh pelajar. Dengan ini, mereka akan cuba sedikit demi sedikit untuk mempelajari bahasa Melayu tanpa rasa jengkel dan pada masa yang sama dapat meningkatkan prestasi mereka.

Murid-murid merasakan buku-buku Melayu agak membosankan. Tidak dapat dinafikan bahawa banyak buku Inggeris sangat menarik. Oleh itu, saya terpaksa mencari buku-buku cerita yang sesuai dan keratan akhbar lalu membaca dengan mereka di dalam kelas. Saya juga menggunakan aplikasi membaca seperti aplikasi Cerita-cerita Rakyat Nusantara dan Legenda Singapura untuk menarik minat mereka untuk membaca.

Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru

Ada banyak detik manis sepanjang kerjaya saya. Antaranya, saya telah mengajar seorang murid ini semenjak dia berada di darjah 1 sehingga dia berada di darjah 6. Ibunya telah datang semasa anaknya berada di darjah 6 dan memberitahu saya bahawa anaknya datang ke sekolah tanpa mengetahui apa-apa termasuk tidak tahu membaca semasa di darjah 1. Dia berterima kasih kerana saya telah membimbang anaknya dengan baik. Murid saya itu telah lulus PSLE dan mendapat gred yang baik untuk Bahasa Melayu. Jarang sekali guru-guru kita mendapat pengiktirafan daripada golongan ibu bapa. Oleh itu, kata-kata ibu itu memberi saya semangat untuk terus mengajar.

Harapan Sebagai Seorang Guru

Saya mahu murid-murid saya bukan sahaja mencintai bahasa dan menggunakan supaya bahasa Melayu menjadi bahasa yang terus hidup, malah, saya juga mahu murid saya cemerlang dalam apa-apa sahaja bidang yang mereka ceburi dan pada masa yang sama, mementingkan adab dan budaya. Saya berharap mereka terus bersikap sopan dan berbudi bahasa kepada sesiapa sahaja sebagai cerminan nilai dan keperibadian orang Melayu yang sebenar bak kata pepatah, *ikutlah resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk*.





**Cikgu Muhammad Andi
Mohammed Zulkepli**

Sekolah Menengah Zhenghua

Kategori Perangsang

Cikgu Muhammad Andi Mohammed Zulkepli

Sekolah Menengah Zhenghua

Pengalaman Mengajar

Saya mula mengajar di Sekolah Menengah Zhenghua pada semester kedua 2012 setelah tamat pengajian Sarjana Muda (Bahasa dan Sastera Melayu).

Pembelajaran berpusatkan pelajar menjadi teras dalam melakarkan pengajaran dan pembelajaran buat anak didik saya. Saya mempelbagaikan pedagogi berpusatkan pelajar dalam pengajaran bahasa Melayu serta menggunakan strategi dan kaedah yang pelbagai dalam membina keyakinan pelajar dan membangunkan pemikiran kritis untuk melahirkan idea mereka menggunakan bahasa Melayu. Dengan pelaksanaan *Reading Circle*, *Circle Time Sessions* dan *4 Goals 9 Talk Moves*, saya berusaha untuk menyediakan suasana pembelajaran bahasa yang melibatkan penyertaan pelajar secara aktif. Saya melibatkan mereka untuk berfikir secara kritis terhadap sesuatu isu atau topik yang dibincangkan.

Selain mengendalikan program-program dan aktiviti-aktiviti dwiminggaan bahasa, saya turut terlibat dalam merancang dan menjalankan program khas Skrip & Drama, khususnya bagi kohort pelajar Menengah 2 di sekolah saya bagi membantu membina keterampilan diri mereka berbahasa. Pendedahan pada bahan kesusasteraan dilakukan secara sedar, sungguhpun sekolah saya bukanlah antara sekolah yang menawarkan mata pelajaran kesusasteraan sebagai subjek elektif atau penuh. Saya telah bekerjasama dengan guru-guru di sekolah untuk menggunakan teks cerita rakyat terpilih daripada teks sastera 'Tekad' dan menjadikan teks tersebut sebagai bahan pembelajaran buat anak didik di sekolah saya. Program ini memberi mereka peluang untuk membaca bahan kesusasteraan dalam bentuk aslinya, kemudian mempelajari kemahiran menulis skrip, merentas cipta daripada skrip ke bentuk persembahan yang diusahakan pelajar secara bersama-sama.

Selain menggalas tanggungjawab sebagai Penyelaras Unit Bahasa Melayu, saya juga bertanggungjawab bagi hal ehwal disiplin para pelajar kohort Menengah 1 pada 2017 dan mengikuti kohort tersebut hingga kini. Saya juga guru bertanggungjawab bagi kegiatan kokurikulum *Drums Ensemble* di sekolah. Pada tahun 2017, saya berpeluang mengikuti satu Persidangan Antarabangsa Studi Bahasa di Sarawak bersama dengan tiga lagi guru yang dipilih Pusat Bahasa Melayu Singapura dan membentangkan kertas kerja bertajuk Pembelajaran Bahasa Melayu Melalui Drama dengan membuat rujukan kepada program yang saya kendalikan di sekolah. Pada tahun 2018, saya terpilih sebagai salah seorang finalis OYEA (Outstanding Youth in Education Award).

Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Saya berpendapat cabaran utama bagi seorang guru muda seperti saya adalah untuk menangani tuntutan-tuntutan yang datang dalam pelbagai bentuk kerana kita sedia maklum bahawa tugas seorang guru itu sememangnya berat. Persoalan yang jauh lebih penting bagi saya ialah pertembungan idealisme atau gagasan-gagasan muluk yang kita cuba bawa dengan hakikat yang melanda dunia persekolahan dan pendidikan hari ini. Persoalan untuk benar-benar menghidupkan falsafah pendidikan yang berorientasikan pelajar, membangunkan jiwa-jiwa yang halus dan berbudi, dan membudayakan nilai kearifan dan kebudiman dalam diri sendiri, dalam kalangan teman seperjuangan dan anak-anak didik itu sentiasa berlegar-legar dalam benak fikiran saya.

Saya juga seringkali bertanyakan apakah lagi yang dapat saya sumbangkan sebagai seorang guru Bahasa Melayu. Saya mula melibatkan diri dengan Variasi Performing Arts, sebuah kumpulan seni bukan untung (NPO). Saya dapat berkongsi ilmu pengetahuan berkenaan bahasa, sastera dan kebudayaan dan pada masa yang sama, menimba ilmu pengetahuan dalam dunia kesenian Melayu berkaitan dengan tarian dan teater. Selain itu, saya berpeluang menerbitkan, mengarah dan menganjurkan beberapa acara Variasi Performing Arts, seperti pementasan teater Projek Tiga pada 2015 dan 2017, pementasan Rentas Sastera Nusantara pada 2018 dengan kerjasama kumpulan teater Sanggar Teater Fauziah Nawi di Kuala Lumpur,

acara kesenian Di Atas Pentas 2016 yang melibatkan penggembangan tenaga para pelajar sekolah rendah hingga peringkat pengajian tinggi dan Perkhemahan Kesenian buat anak-anak muda yang minat mempelajari seni tarian dan lakonan dipanggil Roots! Arts Camp dari tahun 2016 sehingga kini.

Cabaran saya tentunya mengimbangi masa untuk kesemua perkara yang disebut, namun, saya kira saya beruntung kerana kebanyakan masa yang melibatkan diri saya ialah perkara-perkara yang saya memang minati.

Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Penubuhan Misbah Minda, sebuah kumpulan pelajar yang bernaung di bawah Unit Bahasa Melayu, menjadi detik paling manis bagi diri saya. Misbah Minda mengingatkan saya pada Program Elektif Bahasa Melayu dan Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu (MLDDS) sewaktu menuntut di Maktab Rendah Tampines dahulu, serta Kumpulan Angkatan Sastera NIE (Kasturie) semasa mengikuti pengajian di NIE.

Di sanalah, saya diberikan ruang dan peluang untuk bergiat cergas dalam hal-hal kebahasaan, kesusasteraan dan kebudayaan. Matlamat yang sama ingin saya capai sentiasa membuka ruang dan memberi peluang untuk anak didik saya menggelumangkan diri dengan hal-hal tersebut. Dengan tertubuhnya Misbah Minda, saya telah dapat menggembangkan tenaga pelajar-pelajar dan guru-guru dalam unit saya untuk mengusahakan penerbitan majalah Misbah Minda, yang di dalamnya terangkum hasil tulisan para pelajar dalam bentuk laporan kegiatan-kegiatan bahasa dan budaya di sekolah dalam bahasa Melayu. Selain penerbitan majalah, kami turut berjaya menganjurkan sebuah acara kebudayaan ‘Pesta Budaya: Ceritera Kita, Warisan Kita’ yang memberikan peluang kepada kami berkumpul, berseni dan bersastera sebagai imbuhan kepada pengalaman pembelajaran pelajar dalam bahasa Melayu di sekolah. Mereka turut mengendalikan konsert Hari Raya buat guru-guru dan rakan-rakan sekolah sebagai projek tahunan mereka.

Saya merasakan kebahagiaan melihat anak didik bergotong-royong merancang dan mengendalikan acara, memainkan peranan sebagai ahli jawatankuasa dan tenaga kerja dalam membina sebuah budaya pembelajaran bahasa Melayu yang lebih seronok di sekolah. Penerbitan majalah itu berterusan selama beberapa tahun manakala acara Pesta Budaya itu telah menjadi acara tahunan di sekolah kami – kali ini, sebagai sebuah acara peringkat kelompok sekolah-sekolah Barat 6.

Harapan Sebagai Seorang Guru

Saya berharap agar sebagai seorang pendidik, saya dapat terus berbakti setulusnya dan agar anak didik saya kenal akan bahasa dan kebudayaannya, saling menggalakkan satu sama lain dan membentuk generasi yang sekurang-kurangnya masih ada rasa rindu dan sayang pada warisan hasil kebijaksanaan dan kemurnian budi pekerti nenek moyang kita. Tugas menghidupkan bahasa dan kebudayaannya terletak di atas bahu setiap anggota masyarakat yang prihatin akan soal keberlangsungan bahasanya.





**Cikgu Nurhafeza Hanem
Abdul Azal**

Sekolah Menengah Canberra

Kategori Perangsang

Cikgu Nurhafeza Hanem Abdul Azal

Sekolah Menengah Canberra

Perjalanan Kerjaya

Kerjaya saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu seharusnya bermula di Sekolah Menengah Canberra pada tahun 2007 namun, telah ditangguhkan selama dua tahun. Penganugerahan pelajar terbaik dalam kohort Bahasa Melayu (Diploma) pada masa itu membuka peluang untuk saya untuk melanjutkan pengajian Sarjana Muda di NIE/NTU. Setelah tamat pengajian, saya dihantar kembali ke Sekolah Menengah Canberra dan bermulalah pahit manis kerjaya saya sebagai seorang guru.

Sebagai seorang guru baharu pada masa itu, saya terpaksa menyesuaikan diri saya dengan tuntutan pihak sekolah dengan cepat. Saya diberikan pelbagai peranan pada tahun-tahun awal di sekolah. Saya ditugaskan mengajar kelas-kelas dari pelbagai aliran dan peringkat untuk pelajaran Bahasa Melayu dan Pendidikan Sivik dan Moral dan menerajui program-program sekolah seperti membuat perancangan untuk sambutan di sekolah dan aktiviti untuk kohort-kohort tertentu. Saya juga merupakan seorang guru NPCC dan guru penasihat Jawatankuasa Kepimpinan Pelajar. Banyak masa saya dihabiskan untuk menganjurkan perkhemahan dan kegiatan-kegiatan hujung minggu. Biarpun tahun-tahun awal saya agak mencabar, keterujaan saya sebagai seorang guru pada masa itu mengatasi segalanya. Pengalaman ini banyak mengajar saya dan menambah pengetahuan saya dari pelbagai segi termasuk bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan.

Selepas dua tahun mengajar, saya ditugaskan untuk menjadi guru disiplin (*Level Discipline Master*). Saya agak gusar pada masa itu kerana dalam kumpulan empat orang guru disiplin, saya merupakan satu-satunya guru wanita, apatah lagi apabila diberikan peringkat Menengah 4 pada tahun pertama, memang mencabar. Tanpa sebarang latihan atau bimbingan, saya berdepan dengan masalah pelajar yang tidak datang sekolah, bergaduh, bersikap kurang sopan terhadap guru dan sebagainya.

Saya juga harus bertemu dengan ibu bapa para pelajar yang telah membuat kesilapan. Mulai detik itulah bermulalah perjalanan kerjaya saya sebagai seorang guru disiplin. Setelah dua tahun, Jawatankuasa Disiplin di sekolah mengalami perubahan struktur dan saya ditugaskan untuk mengendalikan masalah disiplin pelajar menengah atas. Pengalaman itu telah menyedarkan saya supaya sentiasa berani dan bersedia menghadapi cabaran.

Pada tahun 2011, saya juga telah mengikuti program Sarjana Pendidikan di NTU melalui program pembangunan profesional guru (PDCM). Biarpun pada masa itu saya baru melahirkan anak pertama saya, namun saya rasa setiap peluang untuk saya mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran saya perlu saya gunakan dengan sebaiknya. Peluang seperti itu juga telah saya impikan sejak awal saya memulakan kerjaya sebagai seorang guru.

Biarpun masa saya banyak diluangkan dalam bidang disiplin, hati saya sebenarnya masih kekal untuk Bahasa Melayu. Saya masih aktif menyumbang pandangan dan tenaga dalam Unit Bahasa Melayu. Saya juga sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan pengalaman dan pengetahuan. Saya telah mengikuti Program Jejak Mitra anjuran PGBM ke Johor dan Kelantan dan juga menganjurkan reruai Teratak Nenda semasa Ceramah Arif Budiman baru-baru ini.

Di bawah naungan Pengetua sekolah yang baharu, saya juga melebarkan tugas saya melakukan kerja-kerja kemasyarakatan di Singapura dan luar negara seperti China, Batam dan Bintan. Pada tahun 2018, saya berpeluang menjalani latihan VSC supaya saya dapat membantu para pelajar yang berhadapan dengan masalah undang-undang dan kini saya sedang menjalani latihan untuk pelajar berkeperluan khas. Saya percaya sikap berani menyahut cabaran, bersiap sedia berhadapan dengan ketidaktentuan dan sentiasa menimba ilmu penting dalam kerjaya seorang guru.

Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Sebagai seorang guru Bahasa Melayu, saya rasa cabaran yang saya hadapi sama dengan cabaran pejuang bahasa dan budaya Melayu yang lain. Kita semua tahu taraf bahasa Melayu dan konteks penggunaannya semakin terbatas. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam niat kita ingin mengajar seni dan budaya kepada anak didik kita, kita harus memenuhi tuntutan peperiksaan. Tuntutan mengajar bahasa Melayu ini sebenarnya sarat, dengan linguistiknya, sasteranya, nilainya, budayanya, memang tiada penghujungnya.

Selain itu, pandangan pelajar dan ibu bapa terhadap bahasa Melayu juga pelbagai. Saya pernah berhadapan dengan pelajar yang enggan mengucapkan walau sepatah bahasa Melayu atau pelajar yang mengatakan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa untuk orang yang telah meninggal dunia. Saya juga pernah berjumpa pelajar yang mengaku dirinya orang Jepun yang terperangkap dalam tubuh orang Melayu. Bagi saya situasi-situasi seperti ini yang selalunya membuat saya berfikir dan keluar daripada kepompong keselesaan saya. Saya rasa lebih teruja untuk mendekati pelajar-pelajar seperti ini untuk memahami pemikiran mereka. Selalunya, proses seperti ini memerlukan masa yang panjang.

Saya berpegang pada kata-kata hikmah, ‘pelajar yang disayangi di rumah datang ke sekolah untuk belajar, namun pelajar yang kurang mendapat kasih sayang dan perhatian di rumah, datang ke sekolah untuk disayangi.’ Begitulah hakikat di sekolah. Saya perlu memastikan agar setiap keperluan pelajar itu dapat dipenuhi. Tuntutan daripada pihak ibu bapa juga pelbagai. Kita harus lebih berhati-hati dan lebih teliti dalam menguruskan semua hal. Setiap keputusan yang kita ambil itu harus difikirkan daripada pelbagai perspektif sebelum diiktiraf sebagai keputusan muktamad.

Perubahan dan ketidaktentuan merupakan satu cabaran yang tidak dapat dielakkan pada masa ini. Sebagai guru, kita harus bersedia untuk memenuhi semua tuntutan dan gagasan pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan. Misalnya, kebolehan kita untuk menyiapkan bahan-bahan Pengajaran Pembezaan untuk menyokong inisiatif (Pengumpulan Berdasarkan Subjek) SBB, membantu pelajar berkeperluan khas, berhadapan dengan rombakan kurikulum, pembubaran peperiksaan pertengahan tahun untuk pelajar Menengah 1 dan 3 dan sebagainya. Kita harus sentiasa bersedia dan melengkapkan diri kita untuk menyahut cabaran-cabaran ini.

Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru

Setiap kali saya dapat membantu pelajar belajar daripada kesilapan mereka hingga mereka berupaya menunjukkan perubahan positif merupakan detik manis dalam hidup saya. Terlalu banyak sebenarnya dan tidak mungkin dapat saya rakamkan dalam penulisan ini. Adegan yang sentiasa terpahat di hati saya ialah detik-detik anak didik saya memohon kemaafan daripada ibu bapa mereka dengan iringin air mata penyesalan. Semua ini merupakan adegan-adegan yang tidak mungkin saya lupakan.

Saya juga gembira melihat para pelajar saya dapat bertutur dalam bahasa Melayu dengan berhemah. Apabila mereka kembali ke sekolah atau berkunjung ke rumah saya semasa lebaran, mereka masih ingat untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan sebaik-baiknya, termasuklah ‘pelajar Jepun’ saya. Pelajar tersebut juga pernah memberikan saya kad Hari Guru sebagai tanda penghargaan kerana telah mengajarnya Bahasa Melayu. Hanya Tuhan sahaja yang tahu perasaan saya pada masa itu.

Dalam kerjaya saya sebagai seorang guru, pastinya ada pasang dan surutnya. Pada masa-masa surut itu, saya sangat bertuah kerana ada teman-teman seperjuangan yang sering memberikan semangat dan dorongan kepada saya. Selain nota kata-kata perangsang, mereka juga memberikan coklat, menghantar bunga dan sebagainya. Mereka juga yang selalu memikirkan sarapan dan makan tengah hari saya sebab saya sibuk berpanjangan. Saya terhutang budi kepada mereka dan bersyukur kerana dikurniakan sahabat-sahabat seperti mereka yang telah mencorak detik manis dalam kerjaya saya.

Harapan Sebagai Seorang Guru

Harapan saya supaya setiap pelajar yang melalui pendidikan Bahasa Melayu dapat menggapai visi Arif Budiman. Kita memerlukan pelapis yang mempunyai daya intelektual yang tinggi dan kritis, yang tidak wewenangnya menerima gagasan atau budaya baharu tanpa pertimbangan yang baik. Kita memerlukan pelapis yang pintar dalam pengetahuannya terutama sekali dalam bahasa dan budaya Melayu supaya mereka bijak membuat pemilihan dan perubahan tanpa menggadaikan elemen-elemen asas bahasa dan budaya.

Seseorang yang Arif Budiman itu juga perlu mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi kerana dia harus peka terhadap suara-suara minda dan nurani anak bangsanya supaya dapat sama-sama memacu masyarakat Melayu ke arah kemajuan. 'Arif' dan 'Budiman' ini bagi saya merupakan gandingan yang sepadan, yang mana arif itu membuat minda kita berkembang dan tangan kita menggapai ilmu hingga ke langit manakala budiman membuat kaki kita berpijak di bumi, berpaksikan pegangan dan jati diri.





**Cikgu Norasiken
Mohamed Noor**

Sekolah Perempuan Haig

Kategori Perangsang

Cikgu Norasiken Mohamed Noor

Sekolah Perempuan Haig

Perjalanan Kerjaya

Saya percaya bahawa jiwa saya ini memang serasi berada di dalam bilik darjah sejak kecil lagi. Mungkin perkara ini juga yang mendorong cita-cita saya untuk menjadi seorang guru. Saya memulakan kerjaya saya sebagai seorang guru kontrak pada tahun 2011 di Sekolah Perempuan Haig (HGS). Pada masa itulah saya mengenali dengan lebih mendalam lagi tugas seorang guru. Semasa menjalani program Diploma dalam Pendidikan di Institut Pendidikan Nasional (NIE), saya melalui praktikum sebagai seorang guru pelatih di HGS sebelum saya kembali sebagai guru permulaan sehingga kini.

Pada tahun 2017, saya melanjutkan pengajian saya di peringkat sarjana muda dalam bidang Bahasa dan Kesusastraan Melayu di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) sebagai seorang pelajar separuh masa. Nikmat dapat belajar kembali memang susah untuk saya ungkapkan. Walaupun bukan mudah untuk saya membahagi-bahagikan masa untuk melaksanakan tugas di sekolah serta memenuhi tuntutan tugasan universiti, saya berpegang teguh pada peribahasa lama, berakir trakit ke hulu, berenang-renang ke tepian; bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.

Pada tahun 2017, saya menjadi penyelaras bagi Skim Bantuan Kewangan di sekolah (FAS). Tanggungjawab ini membawa erti yang mendalam bagi saya kerana sebagai seorang pelajar sekolah rendah dahulu, saya merupakan salah seorang pelajar yang menerima bantuan kewangan dari pihak sekolah. Oleh itu, saya menganggap tanggungjawab ini sebagai peluang untuk saya berkhidmat dan membantu murid-murid yang mempunyai latar belakang yang serupa dengan saya. Saya juga percaya bahawa situasi kewangan keluarga tidak harus menjadi hambatan untuk murid-murid meraih kejayaan.

Pada tahun ini, saya diberi kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai seorang Penolong Ketua Peringkat (AYH) untuk murid-murid darjah 4. Sebagai seorang AYH, saya bertanggungjawab untuk bekerjasama dengan ibu bapa, guru-guru serta ketua-ketua sekolah untuk memastikan kemaslahatan murid-murid terjaga. Jawatan ini menambah nilai dalam perkembangan saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu kerana saya mempelajari cara-cara untuk menangani pelbagai isu, berkomunikasi dengan lebih efektif dan menjadi seorang guru yang cekap.

Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Antara cabaran yang saya hadapi adalah untuk mengubah tanggapan murid-murid tentang matlamat pembelajaran. Sehala dengan saranan kementerian yang mementingkan pembelajaran yang menyeronokan, saya juga menginginkan murid-murid saya merasakan nikmat dan seronoknya menimba ilmu. Tidak dapat dinafikan bahawa keputusan akademik juga penting, namun itu tidak seharusnya menjadi matlamat utama persekolahan. Tanggapan tentang keputusan peperiksaan sebagai faktor utama yang menentukan masa depan yang cerah harus diubah dan inilah cabaran utama saya.

Saya seringkali menekankan kepada murid-murid bahawa tugas utama saya adalah untuk memastikan mereka sentiasa dapat merasakan kegembiraan ketika mempelajari sesuatu yang baharu. Jika mereka seronok berada di dalam kelas saya, saya tahu saya telah berjaya membangkitkan keinginan mereka untuk menimba ilmu. Saya percaya di peringkat sekolah rendah, jika minat sudah dipupuk sejak kecil lagi, keinginan dan keseronokan menimba ilmu itu akan terus mekar dalam diri mereka.

Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru

Terlalu banyak kenangan manis yang saya raih dalam perjalanan saya yang singkat ini. Jika saya dapat berkongsi satu kisah yang terpahat dalam hati saya, kisah tersebut adalah mengenai seorang murid saya yang menerima bantuan kewangan dari pihak sekolah. Walaupun saya tidak mengajarnya, namun interaksi saya bersamanya dalam aktiviti-aktiviti dan bengkel-bengkel motivasi yang saya jalankan untuk murid-murid FAS ini, telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri murid itu. Selepas menerima keputusan PSLE, murid itu bersama ibunya menghampiri saya lalu memeluk saya dengan erat. Dalam pelukan itu, murid itu mengucapkan terima kasih kerana saya menjadi inspirasinya untuk bekerja keras dan meraih keputusan yang cemerlang. Dia juga berjanji akan terus belajar dengan rajin agar dapat meraih kejayaan seperti gurunya ini. Kata-katanya memberi semangat untuk saya terus berusaha demi memastikan setiap murid, tidak kira latar belakang mereka, diberikan peluang yang sama untuk mengejar cita-cita mereka.

Harapan Sebagai Seorang Guru

Harapan saya pastinya adalah agar anak-anak kita akan terus bersemangat dalam meniti jambatan ilmu, sentiasa mencari pembaikan dan pembaharuan dalam mengharungi kehidupan mereka. Untuk menjadi orang yang berilmu, saya berharap murid-murid saya mengikut resmi padi; semakin berisi, semakin menunduk.

Dalam menjalani kehidupan dalam dunia yang kian berkembang, saya juga berharap agar bahasa ibunda kita ini serta adat dan budaya Melayu terus dijunjung tinggi dan kekal relevan. Semoga identiti orang Melayu terus terpelihara dengan bahasanya yang penuh sopan, serta adabnya yang penuh santun.



Finalis

Anugerah Guru Arif Budiman 2019



**Cikgu Mohamed Hizammuddin
Mohamed Yusof**

Sekolah Rendah Punggol View

Cikgu Nurul Huda Yazid
Sekolah Rendah Clementi



Kategori Teladan



**Cikgu Mohamed Hizammuddin
Mohamed Yusof**
Sekolah Rendah Punggol View

Perjalanan Kerjaya

*Bukan pita menjadi peluru,
Tetapi tetap jadi penindik;
Bukan bercita menjadi guru,
Tetapi tetap jadi pendidik.*

Perjalanan saya menjadi pendidik merupakan ketentuan Allah SWT kerana saya tidak bercita-cita untuk menjadi pendidik tetapi akhirnya telah bermohon untuk memasuki alam perguruan selepas saya tamat Perkhidmatan Negara (NS). Saya mula mengajar pada tahun 2005 selepas tamat pengajian di NIE/NTU selama empat tahun. Saya mengikuti Program Latihan Khusus Bahasa Ibunda lalu meraih Diploma dalam Pendidikan Bahasa Melayu (Merit). Selepas meraih Ijazah Sarjana Muda dalam Bahasa dan Sastera Melayu di UniSIM (SUSS) pada tahun 2012, saya melanjutkan pengajian Sarjana Pendidikan dalam Kurikulum dan Pengajaran di NIE/NTU pada tahun 2018. Saya bakal menamatkan pengajian sarjana pada hujung tahun ini, insya-Allah.

Perjalanan pembelajaran ini mengembangkan pandangan dan pengalaman saya dalam landskap pendidikan. Perjalanan ini belum tamat kerana saya berterusan menambah pengalaman menerusi mengajar dan belajar daripada para pelajar saya. Di Sekolah Rendah Punggol View, semangat saya dalam pembelajaran dan pengajaran semakin membara kerana peluang-peluang yang sentiasa diberikan oleh Pengetua, Ketua Jabatan, rakan-rakan guru dan pihak-pihak berkepentingan pendidikan.

Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Cabaran pertama dalam mengajar Bahasa Melayu banyak sekali seperti para pelajar yang kurang berbahasa Melayu di rumah mahupun kurang memahami bahasa Melayu di bilik darjah. Dalam bilik darjah masing-masing, kami menggalakkan para pelajar bernyanyi, berlakon, membuat persembahan dan bermacam-macam lagi untuk meningkatkan minat pelajar terhadap Bahasa Melayu. Selain itu, sokongan waris di rumah amat penting. Di Sekolah Rendah Punggol View, kami menggalakkan waris supaya menyertai bengkel-bengkel Bahasa Melayu atau secara sukarela menyingsing lengan dalam program-program Bahasa Melayu agar mereka boleh terlibat sama dalam pembelajaran Bahasa Melayu anakanak. Acap kali, para pelajar bertambah teruja apabila waris mereka hadir untuk sama-sama mempelajari bahasa Melayu. Insya-Allah, dengan sokongan padu berterusan oleh pihak Pengetua, Ketua Jabatan, rakan-rakan guru dan pihak-pihak berkepentingan pendidikan, semua cabaran pembelajaran dan pengajaran boleh diatasi bersama-sama.

Cabaran kedua ialah tugas mengajar Bahasa Melayu kepada pelajar yang bukan berbangsa Melayu atau yang berasal dari luar negara. Pelajar sebegini mempunyai kesukaran berbahasa Melayu kerana mereka belajar dan menggunakan bahasa Melayu hanya di sekolah. Mereka juga tidak terdedah pada budaya masyarakat Melayu. Oleh itu, dengan berbekalkan semangat cekal, kekal dan tekal, mereka berjaya meningkatkan kesedaran dan minat akan bahasa dan budaya Melayu. Setakat ini, saya pernah mengajar 3 pelajar warga Filipina, 3 berbangsa India dan 2 berbangsa Cina. Alhamdulillah, mereka lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Tamat Peperiksaan Sekolah Rendah (PSLE). Seorang pelajar warga Filipina,

Ericka, berjaya meraih gred A, sesuatu pencapaian luar jangkaannya. Kini, Ericka sedang menuntut di sebuah universiti di Filipina untuk mencapai cita-citanya menjadi seorang doktor perubatan. Kami kerap bertukar khabar, menerusi Whatsapp atau Facebook dengan menggunakan bahasa Melayu.

Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru

Setakat ini, detik paling manis dalam pengalaman saya sebagai pendidik ialah menulis sebuah buku cerita bertajuk 'Planet Ceper' dalam siri bacaan Nabil Nabilah (Darjah 3 dan 4), yang dikelolakan oleh Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC). Saya menggunakan dua orang puteri saya sebagai inspirasi dan watak-watak dalam cerita ini yang berkONSEP cereka sains. Pengalaman ini bertambah manis apabila puteri-puteri dan pelajar saya begitu teruja sambil bersorakan apabila mereka memegang sambil membaca buku itu buat kali pertama. Saya fikir pengalaman ini amat baik untuk para pendidik kerana kami diberikan peluang untuk menyusun pengetahuan dan pengalaman kami sebagai pendidik dalam bentuk tulisan.

Harapan Sebagai Seorang Guru

Selagi hayat dikandung badan, Insya-Allah, saya mahu terus berkongsi ilmu bahasa, sastera dan budaya Melayu kepada pelajar atau sesiapa sahaja yang sudi menerima. Saya menjadikan prinsip 'hiduplah untuk memberi sebanyak-banyaknya dan bukan menerima sebanyak-banyaknya', berdasarkan kata-kata watak Pak Arfan dalam filem Laskar Pelangi. Saya berharap ilmu yang saya sampaikan kepada pelajar dan juga puteri-puteri saya dapat mendatangkan manfaat kepada mereka lalu giliran mereka pula menyampaikan ilmu-ilmu itu kepada tunas bangsa agar bahasa, sastera dan budaya Melayu tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas.

*Pulau Nenas bersih perkasa,
Helang rawa meratah angsa;
Kalau tunas sisih bahasa,
Hilang jiwa hilanglah bangsa.*



Kategori Perangsang



Cikgu Nurul Huda Yazid

Sekolah Rendah Clementi

Perjalanan Kerjaya

Sejak saya menuntut di sekolah menengah lagi, saya bergiat dengan kerja sukarela bersama Yayasan Mendaki dan saya sering diberikan tugas sebagai seorang *childminder* atau pemudah cara untuk program kanak-kanak. Dari situ, saya diberikan peluang menyediakan pelbagai jenis aktiviti untuk kanak-kanak yang terlibat. Melalui interaksi saya dengan mereka, saya mula menaruh minat terhadap kerjaya sebagai seorang guru.

Selepas menuntut di Politeknik Nanyang dalam jurusan pengurusan perniagaan pada tahun 2008, saya memilih untuk memohon kerjaya sebagai seorang guru Bahasa Inggeris dan Matematik di sekolah rendah. Mungkin bukan rezeki saya, selepas menghadiri temu duga, saya tidak dipilih sebagai seorang calon guru. Walaupun gagal, saya reda dengan keputusan tersebut dan mula bermuhasabah. Saya mula bertapak dalam bidang pendidikan sebagai seorang guru sandaran di Sekolah Rendah Greenridge selama satu semester.

Bak kata Confucius, “I listen and I forget. I see and I remember. I do and I understand.” Pengalaman sebagai seorang guru sandaran di Sekolah Rendah Greenridge membuka mata, minda dan hati saya. Saya lebih memahami kerjaya seorang guru dan menjadikan saya lebih yakin bahawa inilah kerjaya yang saya ingin ceburi. Pada akhir tahun 2008, saya memohon sekali lagi pekerjaan sebagai seorang guru. Selepas sesi temu duga bersama panel, saya menerima tawaran bekerja sebagai seorang guru Bahasa Melayu.

Pada bulan Mac 2009, saya mengajar di Sekolah Rendah Fuchun sebagai seorang guru kontrak sebelum melanjutkan pelajaran di Institut Pendidikan Nasional (NIE) pada bulan Ogos tahun yang sama. Semasa di NIE, saya menjalani kursus praktikum di Sekolah Rendah Kranji dan setelah tamat pengajian di NIE pada tahun 2011, saya mula bertugas di Sekolah Rendah Clementi (CTP). Pada tahun 2014, saya dilantik sebagai Penolong Ketua Peringkat bagi Darjah 1 dan 2 yang turut memimpin Kumpulan Pembangunan Pelajar. Masa berlalu dengan begitu pantas – tahun ini merupakan tahun kelapan saya menyandang amanah sebagai seorang guru di CTP.

Cabaran-cabaran Yang Dihadapi Sepanjang Kerjaya

Bilangan murid yang berasal daripada keluarga yang lebih kerap bertutur dalam bahasa Inggeris semakin meningkat. Ada dalam kalangan para pelajar yang tidak mempunyai pengalaman yang autentik atau pengetahuan sedia ada tentang bahasa dan budaya Melayu apabila saya mula mengajar mereka di peringkat Darjah 1. Semakin ramai juga bilangan murid yang tergolong sebagai ‘semi-linguals’, yang mana mereka lemah dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Melayu – walaupun mereka lebih selesa dan kerap bertutur dalam bahasa Inggeris. Segalanya asing atau baharu bagi mereka dan saya melihat cabaran ini sebagai satu peluang untuk memancing minat mereka untuk mempelajari sesuatu yang baharu. Mempelajari sesuatu bahasa yang tidak lazim digunakan adakalanya dilihat sebagai satu beban untuk murid. Sebagai seorang guru, cabaran utama saya adalah untuk memancing minat murid dengan menunjukkan betapa seronoknya Bahasa Melayu itu. Pelbagai kaedah harus digunakan untuk memancing minat para pelajar, baik dari segi permainan, persempahan atau perkongsian.

Untuk memancing minat murid dan mengajar dengan efektif, seorang guru perlu mengenali profil setiap murid di bawah didikannya. Contohnya, saya mengambil masa untuk mengenali setiap murid secara peribadi, melalui perbualan secara individu bersama mereka semasa waktu rehat. Dari situ, saya lebih memahami setiap murid dari segi konteks keluarga, kegemaran mereka serta perkara yang memberi mereka motivasi. Bagi saya, hubungan guru dan murid yang positif sangat penting dan akan membantu murid untuk mempunyai keinginan untuk menghadiri kelas dan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan. Saya tidak lokek dengan pujian jika murid itu menunjukkan kemajuan, walaupun sedikit di dalam kelas kerana saya percaya setiap murid mempunyai peluang untuk berjaya. Jika mereka datang daripada keluarga yang kukuh dan penyayang, pasti ini memudahkan kerja saya sebagai seorang guru. Namun, jika mereka datang daripada keluarga yang kurang memberi sokongan dan dorongan, hal ini membuat tugas saya sebagai seorang guru itu lebih mencabar dan penting.

Detik Paling Manis Dalam Kerjaya Sebagai Guru

Antara detik manis yang saya kenang dalam kerjaya sebagai guru apabila murid-murid perempuan saya memberitahu saya bahawa mereka berazam untuk menjadi 'The next Cikgu Huda' atau 'Cikgu Huda Versi Ke-2' kerana mereka sangat berminat untuk menjadi seorang guru Bahasa Melayu seperti saya. Selain itu, setiap tahun apabila saya menerima kunjungan daripada mantan murid-murid sempena Hari Guru atau Hari Raya Aidilfitri, mereka gemar mengimbau kembali babak-babak manis serta lucu yang menjadi antara sebab mereka sangat merindui kenangan sebagai murid di sekolah rendah. Mereka juga selalu memberitahu saya bahawa mereka masih menyimpan semua pemberian saya yang telah saya berikan sempena Hari Kanak-kanak dahulu.

Tahun ini, saya diberikan peluang untuk mengajar empat orang murid yang berkeperluan khas di dalam kelas saya dan salah seorang daripada mereka bukan berbangsa Melayu. Pada mulanya, amat sukar bagi saya untuk memancing minatnya dalam Bahasa Melayu kerana dia bukanlah penutur jati dan tidak mempunyai pengalaman sedia ada tentang bahasa dan budaya kita. Bak kata pepatah Melayu, sikit-sikit lama-lama jadi bukit. Lama-kelamaan dia menjadi begitu seronok dan gembira setiap kali dia menghadiri kelas saya

kerana akan belajar sesuatu yang baharu. Saya terharu apabila diberitahu oleh rakan guru saya bahawa dia telah memilih untuk berkongsi tentang pengalamannya mengambil bahagian di dalam aktiviti di kelas Bahasa Melayu semasa sesi persidangan antara ibu bapa, guru dan murid yang telah diadakan di sekolah pada bulan Mei lalu.

Harapan Sebagai Seorang Guru

Harapan saya ialah semoga sifat ingin tahu demi menimba ilmu itu tidak akan terhapus daripada diri murid-murid. Mereka selalu hadir ke kelas saya dengan perasaan yang gembira kerana berkobar-kobar mahu mempelajari sesuatu yang baharu atau ingin tahu tentang sesuatu yang telah kami bincangkan secara lebih mendalam. Saya berharap agar mereka akan terus menuntut ilmu tentang perkara-perkara yang bermakna dan relevan bagi diri mereka, namun ilmu yang telah mereka raih itu juga hanya sia-sia belaka jika tidak digunakan dengan baik atau demi kebaikan. Pada masa yang sama, saya juga berharap agar mereka akan terus mengekalkan akal budi dan hati budi sebagai seorang yang berbangsa dan berbudaya Melayu – bangga dengan warisan budaya dan menghargai bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada jati diri mereka.

Saya mendidik mereka hari ini dengan harapan semoga mereka menjadi insan berpengetahuan yang berguna kepada ibu bapa dan masyarakat kelak kerana mereka adalah masa depan negara kita.





Guru Permata Bangsa

Tahun ini, buat julung-julung kalinya, sebuah pameran khas yang mengetengahkan guru-guru yang telah banyak menabur bakti turut diadakan sempena Majlis Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) 2019.

Guru-guru Bahasa Melayu Singapura merupakan golongan yang berilmu dan berkemahiran tinggi. Sejak dahulu lagi, guru-guru bahasa Melayu aktif dalam pelbagai bidang kemasyarakatan, budaya, agama, ilmu dan kemahiran.

Pameran Guru Permata Bangsa ini ialah usaha Jawatankuasa Penganjur AGAB 2019 untuk mengiktiraf sumbangan guru-guru yang telah banyak menyumbang pada perkembangan bahasa dan pembangunan masyarakat di negara kita sempena sambutan Dwiabad Singapura. Pameran ini terbahagi pada 4 bahagian seperti yang berikut:

Guru Pencorak Lanskap Perguruan

Guru Pencetus Intelek

Guru Obor Masyarakat


Guru Tuggak Negara

Pameran ini akan dilanjutkan di perpustakaan-perpustakaan daerah di Singapura pada tahun hadapan.

Pameran ini diselenggarakan oleh Dr. Mohamad Pitchay Gani Abdul Aziz, penerima AGAB 2017.



Sesi Perkongsian Guru-guru AGAB



Tak Kenal Maka Tak Cinta



Cikgu Noraishah Mostapa



Cikgu Norafizah Shariff



Cikgu Rashidah Abdullah



Cikgu Rita Zarina

Dikendalikan oleh:

Cikgu Noraishah Mostapa (AGAB 2009)
Cikgu Norafizah Mohd Shariff (AGAB 2016)
Cikgu Rashidah Abdullah (AGAB 2016)
Cikgu Rita Zarina Mohd Nazeer (AGAB 2018)

Sinopsis:

Guru-guru AGAB yang mengendalikan sesi ini akan berkongsi cara-cara untuk untuk memahami perbezaan yang mungkin wujud antara gaya pembelajaran para ibu bapa dengan anak-anak mereka. Dengan hal tersebut, ibu bapa akan lebih mahir untuk membimbing anak-anak mereka dan sekaligus merapatkan hubungan antara anak-anak dengan ibu bapa.

AGAB 2019

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN

Kata Tari



Cikgu Nurbaya Ismail



Cikgu Nurhizah Mohamed



Cikgu Zaleha Ahmad



Cikgu Nurul Hidayah Hassan

Dikendalikan oleh:

Cikgu Nurbaya Ismail (AGAB 2014)

Cikgu Nurhizah Mohamed (AGAB 2017)

Cikgu Zaleha Ahmad (AGAB 2014)

Cikgu Nurul Hidayah Hassan (OPMTL 2016)

Sinopsis:

Guru-guru AGAB dan OPMTL* yang mengendalikan sesi ini akan berkongsi cara-cara untuk memperkenalkan kosa kata kepada anak-anak di peringkat Tadika 2 hingga Darjah 1. Para peserta akan meneroka teknik pembelajaran autentik yang bertemakan seni tari Melayu.

*Outstanding Preschool Mother Tongue Language Teachers Award

Menjunjung Budi

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2019 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai peringkat akhir.

1. Dr Intan Azura Mokhtar
Anggota Parlimen, GRC Ang Mo Kio
2. Encik Saktiandi Supaat
Anggota Parlimen, GRC Bishan - Toa Payoh
3. Encik Mohamed Suhaimi Mohsen
Editor Percetakan, Berita Harian
Singapore Press Holdings, SPH
4. Puan Haslinda Zamani
Superintenden Kelompok
Kementerian Pendidikan Singapura
5. Dr Sa'eda Buang
Penolong Ketua (Bahasa Melayu), Bahasa dan Kedudayaan Asia,
Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang
6. Encik Mohamed Noh Daipi
Pengarah Pusat, Pusat Bahasa Melayu Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura
7. Encik Daud Yusof
Timbalan Pengarah
BERITA Mediabcorp
8. Encik Izzuddin Taherally
Presiden
Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM)
9. Dr Norshahril Saat
Pengerusi
Yayasan Warisan Melayu

Menjunjung Budi

Jawatankuasa Pengangsur AGAB 2019 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai peringkat saringan.

1. Puan Sharida Batcha Sahib
Pengetua
Sekolah Rendah South View
2. Puan Rasidah Rahim
Pengetua
Sekolah Menengah Queenstown
3. Profesor Madya Dr Mukhlis Abu Bakar
Pensyarah, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia
Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang
4. Dr Roszalina Rawi
Pensyarah, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia
Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang
5. Encik Amran Tasrif
Naib Pengetua
Sekolah Rendah Qihua
6. Puan Azlinda Samsudin
Naib Pengetua
Sekolah Menengah Bedok South
7. Puan Haryati Surana
Guru Pakar
Pusat Bahasa Melayu Singapura, MOE
8. Puan Siti Faridah Omar
Guru Pakar
Pusat Bahasa Melayu Singapura MOE
9. Encik Rohan Nizam Basheer
Presiden
Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura
10. Cikgu Asnah Asrap
Ahli
Persatuan Guru Bahasa Melayu

Menjunjung Budi

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2019 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel peringkat senarai pendek.

1. Puan Haslindah Mispan, Pakar Peneraju
2. Puan Pairah Satariman, Pakar Peneraju
3. Puan Salha Mohamed Hussain, Pakar Kanan
4. Puan Salina Saiman, Pakar Kanan
5. Cik Siti Fazila Ahmad, Pakar Kanan

Menjunjung Budi

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2019 merakamkan penghargaan kepada individu dan pertubuhan yang berikut:

Ilham dan Karya Tembikar AGAB 2019

- Encik Dexter Sim Yu Min – Sekolah Menengah Westwood
- Adik Yao En Xi – Sekolah Menengah Westwood
- Adik Lucinda Lee – Sekolah Menengah Westwood

Ilham dan Karya Lukisan Cenderamata Tetamu Terhormat

- Puan Herlina Fazelyana Hamzah - Sekolah Menengah Woodgrove
- Adik Abdul Mikhail Bin Abdul Talip - Sekolah Menengah Woodgrove

Pengacara Majlis AGAB 2019

- Cikgu Djohan Abdul Rahman - Penerima AGAB 2017
- Cikgu Amirul Asri Hussin - Penerima AGAB 2018
- Cik Zaza Majid

Persembahan dalam Majlis AGAB 2019

- Puan Dian Fitri Abdol Malik
- Puan Norlina Mungin
- Puan Shaheeda Ariffin
- Para penari Sekolah Rendah Corporation

Penulis Watikah

- Cikgu Abdul Malek Ahmad - Penerima AGAB 2008
- Cikgu Yahida Yahya - Penerima AGAB 2014
- Cikgu Roslie Buang - Penerima AGAB 2018

Pembaca Watikah

- Cikgu Ishak Latiff - Penerima AGAB 2007
- Cikgu Nur Ashikin Sapri - Penerima AGAB 2007

Penyambut Tamu Majlis dan Tenaga Kerja

- Puan Hafizzah Bedin
- Puan Maznunnisha Abdul Aziz
- Puan Murshidah Hassan
- Encik Nasrudin R Sulaiman



Berita Harian

